

09 MAR 1997

Najib-Dadah

PENAGIHAN DADAH DI KALANGAN PELAJAR TERKAWAL, KATA NAJIB

LANGKAWI, 9 Mac (Bernama) -- Penagihan dadah di kalangan pelajar sekolah masih terkawal walaupun ada segelintir yang didapati terlibat dalam gejala itu, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Menurutnya kerajaan sentiasa mengambil tindakan termasuk mensyaratkan pelajar menjalani ujian air kencing sekiranya mengesyaki pelajar berkenaan terbabit dalam penagihan dadah.

"Bagaimanapun kita tidak boleh membuat ujian air kencing terhadap setiap pelajar kerana kosnya tinggi," katanya kepada wartawan selepas menghadiri taklimat Jawatankuasa Pelaksana Koridor raya Multimedia di sini.

Taklimat itu disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada para editor kanan media tempatan.

Najib berkata demikian semasa diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob, yang menganggarkan terdapat kira-kira 20,000 pelajar terbabit dalam penyalahgunaan dadah dan angka itu mungkin lebih besar jika satu kajian menyeluruh dilakukan.

Katanya bagi pihak kementerian beliau tidak boleh menyatakan sesuatu sebelum menerima laporan dan tidak menolak kemungkinan para pelajar terlibat sama memandangkan masalah dadah menular di segenap lapisan masyarakat.

"Cuma kita tidak dapat menentukan jumlah pelajar yang terlibat. Kalau kita buat anggaran peratusan, kita mungkin tidak menyatakan dengan sah jumlah sebenarnya pelajar yang terlibat," jelas beliau.

Najib juga berkata 36 pelajar yang ditahan di Muar bulan lepas telah dibebaskan setelah ujian air kencing yang dijalankan menunjukkan hasil yang negatif.

Para pelajar itu tidak akan dikenakan tindakan disiplin tetapi sebaliknya akan dilibatkan dalam program kaunseling yang dikendalikan oleh polis dan Pemadam, katanya. -- BERNAMA

IQ HJ RON